



PEMERKASAAN PENGAJIAN TINGGI NEGARA DALAM HADAPI CABARAN ALAF BARU

Oleh:

Noor Najwa Zaine

Buat julung kalinya Majlis Presiden Persatuan Awam (MPPA) mengadakan Webinar seperti ini dengan tujuan mengulas dan membincangkan tentang pemerksaan pengajian tinggi itu sendiri.

Program berkenaan adalah merupakan program sulung MPPA sebaik sahaja diperakukan penubuhannya oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada bulan Oktober 2021. Penganjurannya adalah bertujuan bagi membincangkan tentang pemerksaan pengajian tinggi itu sendiri.

Program ini juga merupakan antara pengisian acara sempena sambutan Bulan Akademia 2021. Antara ahli panel yang terlibat adalah Dato' Sri Ibrahim Ahmad, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Tan Sri Johan Jaafar, Tokoh Wartawan Negara, Prof Datuk Dr. Harith Ahmad, Profesor

Ulung Jabatan Fizik Fakulti Sains Universiti Malaya dan Prof. Dr. Yusri Yusof, Mantan Pengerusi PROTEM MPPA pertama.

Kebanyakan para pelajar kini kekurangan dalam keyakinan, komunikasi serta lain-lain. Hal ini terjadi apabila mereka terlalu terdedah kepada peranti elektronik dan hanya berkomunikasi melalui aplikasi-aplikasi media sosial. "Bukan isu tentang blame game, tetapi ia bergantung kepada kualiti pelajar dan pengajar itu sendiri. Sememangnya mereka harus merapatkan jurang antara industri dan universiti", kata Johan.

Sementara itu sekali lagi ahli panel menyatakan bahawa mereka seharusnya membuat perkara yang betul dengan menjaga amanah dan tanggungjawab dalam mengajar dan belajar. Sebagai seorang pensyarah mereka perlu melaksanakan dan menyampaikan dengan baik. Kebijakan juga harus ditonjolkan untuk dijadikan sebagai role model kepada pelajar," kata Ibrahim.

EDITORIAL

Penangung Kehormat

Ahmad Faisal Mohamed Fiah

Penasihat

Dr Mazlan Che Soh

Ketua Pengarang

Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli

Pegawai Media

Noor Najwa Zaine

Penulis

Dr Faridah Hj Hussain

PM. Dr. Megawati Omar

"Suara MITASA merupakan surat berita Kesatuan Kakitangan Akademik Universiti Teknologi MARA UiTM yang diterbitkan setiap dua kali setahun"

Carpe Omnia.



Ketua Pengarang
Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli

Sidang Pembaca,

Adalah menjadi kewajipan kepada kakitangan awam dalam menjalankan tugas yang telah diamanahkan kepada mereka. Perkara ini juga telah dimaktubkan menerusi Akujanji yang ditandatangani ketika memasuki perkhidmatan awam yang merupakan salah satu daripada klausa yang terkandung di dalam Akta Rahsia Rasmi 1972.

Sehubungan itu, adalah menjadi kewajipan kepada penjawat awam dalam memastikan integriti, aspek kerahsiaan serta kewajipan menjalankan tugas sebagaimana yang diarahkan oleh jabatan di mana mereka ditugaskan.

Ketika ini juga kita telah diuji dengan pandemik yang menyaksikan amalan norma baru yang telah mengubah corak dan amalan pekerjaan yang sekian lama didominasi oleh elemen konvensional khususnya yang melibatkan aktiviti berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran (P&P). Warga akademik khususnya telah secara langsung menggunakan kaedah P&P yang dikenali sebagai Open & Distance Learning (ODL) yang merupakan antara pendekatan yang terbaik dalam memastikan kelangsungan dan penerusan aktiviti akademik dengan para pelajar.

Keadaan ini sudah tentunya memerlukan semua pihak dalam menyesuaikan diri terhadap persekitaran baru yang sudah tentunya memiliki kesan terhadap pihak pengurusan, warga akademik serta para pelajar. Dari sudut pandang teknologi, inilah masanya kita utilisasi maksimum dilaksanakan terhadap apa yang diwar-warkan selama ini iaitu yang berkaitan dengan Big Data, Internet Revolution 4.0 (IR 4.0) serta yang telah begitu lama diperkatakan iaitu pembelajaran menerusi kaedah E-Learning.

Dari sudut pengurusan pula perlulah menyokong dan memberikan kepercayaan khususnya kepada ahli-ahli akademik dalam mengemudi dan memastikan aktiviti P&P menerusi kaedah ODL dilaksanakan tanpa sebarang prejudis. Sebagai institusi pengajian tinggi (IPT) yang eninggalkan kebajikan ahli-ahli akademik di universiti tercinta ini.

Menerusi SUARA MITASA ia diharapkan akan dapat memberikan peluang kepada ahli-ahli akademik khususnya yang bernaung bersama pihak Kesatuan dalam menyuarakan pandangan, perkongsian maklumat, aktiviti-aktiviti di UiTM negeri serta saluran dalam menyatakan permasalahan sekiranya wujud dalam kalangan ahli-ahlinya. Semoga dengan adanya penerbitan ini ia akan mencambahkan lagi saluran komunikasi yang melibatkan MITASA dengan ahli-ahli akademik dan yang paling utama ialah memastikan kebajikan mereka tidak terabai.

Untuk itu adalah jelas bahawa satu hubungan simbiotik yang melibatkan pihak pengurusan universiti serta MITASA adalah amat diperlukan. Ia secara langsung akan menyumbang kepada kedinamikan serta kelangsungan polisi berkaitan akademik yang akhirnya akan didokong tanoa berbelah bahagi sekaligus menempati Akujanji yang telah ditandatangani ketika memasuki perkhidmatan awam.

Akhir kata, sidang pembaca sekalian bersama-samalah kita memastikan aspek keselamatan dan kesihatan terus dipatuhi sebagaimana yang digariskan oleh pihak berkuasa. Teruskan berdoa agar situasi ini akan kembali pulih seperti dahulu kerana perjuangan kita dalam menangani Covid-19 masih belum tamat. Sekian.

2 . SUARA MITASA

MESYUARAT AGUNG DWI TAHUNAN MITASA 2019

Oleh:
Noor Najwa Zaine

Kesatuan Kakitangan Akademik Universiti Teknologi MARA UiTM (MITASA) telah mengadakan Mesyuarat Agung Dwi Tahunan pada 19 Disember 2019 yang lalu bertempat di Hotel UiTM, Shah Alam.

Mesyuarat agung kali ini juga menyaksikan pemilihan Majlis Kerja Tertinggi MITASA dan menyaksikan buat pertama kalinya semua jawatan telah MENANG TANPA BERTANDING.



Antara proses semasa Mesyuarat Agung Dwi tahunan MITASA yang ke 34 pada Disember 2019 yang lalu.

BICARA PRESIDEN

Syukur Alhamdulillah akhirnya penantian untuk menyaksikan Suara MITASA diterbitkan menjadi kenyataan.

Penerbitan Suara Mitasa merupakan suatu bukti terhadap komitmen yang ingin ditonjolkan Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM, MITASA untuk terus menjadi "suara" kepada kakitangan akademik khususnya ahli MITASA sendiri.

Sepertimana yang kita lihat, dua tahun kebelakangan ini merupakan suatu tempoh sukar buat semua khususnya kakitangan akademik di UiTM ekoran pandemik Covid 19 yang melanda dunia.

Namun pujian harus diberikan kepada semua yang terus mempamerkan keikhlasan dan komitmen yang tinggi terhadap pembangunan akademik di negara ini sekalipun berdepan dengan keadaan yang cukup mencabar.

Terima kasih tidak terhingga juga diberikan kepada ahli MITASA walau di mana jua anda berada atas kepercayaan dan kesetiaan bersama MITASA dalam menjadi wadah perjuangan akademia di UiTM.

Sekalung penghargaan kepada pasukan editorial Suara MITASA dan barisan exco MITASA atas usaha penerbitan ini yang mampu memberikan manfaat kepada semua ahli.

Teruskan usaha dan istiqamah.

**“Teruskan
usaha
dan
istiqamah”**



Presiden MITASA


Encik Ahmad Faisal Mohamed Fiah



Presiden dan Exco MITASA membuat siri kunjung hormat ke UiTM cawangan Pulau Pinang



Presiden MITASA, En Faisal membuat kunjungan hormat terhadap Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Universiti Teknologi MARA (UiTM), Prof Dr Mohd Sazili Shahibi.



Presiden di dalam kunjung hormat secara "hibrid" bersama Exco MITASA ke Kampus Cawangan Sungai Petani, Kedah.

WEBINAR

PERATURAN - PERATURAN PEGAWAI AWAM



Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perkhidmatan, JPA
Puan Normas Norhayati Mustafa

Oleh:

Noor Najwa Zaine



Kesatuan Kakitangan Akademik Universiti Teknologi MARA (MITASA) telah mengadakan satu Webinar bersama Jabatan Perkhidmatan Awam pada 4 Oktober lalu bertempat di Bahagian Informasi dan Teknologi, Menara Sultan Abdul Aziz (UiTM).

Buat julung kalinya, wakil UiTM, MITASA telah menjemput Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perkhidmatan, JPA, Puan Normas Norhayati Mustafa untuk mengupas isu berkenaan Peraturan - peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) P.U. (A) 01/2012.

Antara isu yang dibincangkan dalam Webinar tersebut adalah mengenai syarat lantikan atau imbuhan, kenaikan pangkat dan juga pencen buat para penjawat awam. Syarat lantikan juga adalah antara isu

yang banyak dikupas sepanjang sesi Webinar ini berlangsung. Kebanyakan peserta yang menyertai Webinar turut bertanya persoalan berkaitan syarat lantikan seperti ringkasan tugas dan juga penghuraian kerja.

Dalam Webinar ini juga persoalan tentang etika perkhidmatan juga turut dikupas oleh para peserta. Webinar ini telah dikendalikan oleh presiden MITASA sendiri iaitu Enk Ahmad Faisal Mohamed Fiah dan lebih kurang 180 ahli dari pelbagai institusi telah menyertai program Webinar ini.

MENGENALI KESATUAN KAKITANGAN AKADEMIK UiTM (MITASA)

Oleh:
Noor Najwa Zaine

Kelab Akademik Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu dengan kerjasama MITASA telah mengadakan program Bicara MITASA Siri 1 pada 7 Oktober lalu melalui platform Webex.

Bicara itu disertai oleh Presiden MITASA En. Ahmad Faisal Mohamed Fiah selaku panel pengulas bagi program “Mengenali Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MITASA)”.

Menerusi bicara itu, beliau telah menjawab beberapa soalan yang telah diajukan. Antaranya, apakah kebaikan yang diperolehi dengan menjadi ahli MITASA dan skop kerja ahli MITASA itu sendiri. MITASA merupakan kesatuan yang terlibat dalam membantu ahli akademik yang mengalami masalah dan akan menyelesaikannya. “Happy lecturer will lead to a great result”, kata beliau apabila mengulas tentang kebajikan ahli akademik.

“Saya menyertai MITASA seawal hati saya melapor diri di UiTM kerana sejak zaman belajar lagi saya sudah sedia maklum tentang kewujudan MITASA”, tambahnya lagi apabila menceritakan tentang pengalaman beliau menyertai MITASA.


Bicara itu telah dikendalikan oleh Pensyarah Kanan Ekonomi, Puan Noorazlina Ahmad yang merupakan koordinator di UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun.

“Happy
lecturer
will lead
to a great
result”



Presiden MITASA

Encik Ahmad Faisal Mohamed Fiah



Para peserta yang menyertai Siri Webinar Mengenali Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MITASA)

WEBINAR CELIK UNDANG UNDANG

bersama

PENASIHAT UNDANG UNDANG UiTM

Oleh:

Noor Najwa Zaine

Kesatuan Kakitangan Akademik Universiti Teknologi MARA (MITASA) buat julung kali telah menganjurkan satu program Webinar khusus bagi memberikan pendedahan kepada para ahli khususnya dan warga UiTM amnya terhadap kepentingan untuk celik kepada undang - undang. Webinar kali ini telah diadakan pada 8 Disember 2020 lalu dan menampilkan sendiri Penasihat Undang - Undang UiTM, Prof. Dr. Haidar Dziayuddin.

Program ini telah mendapat sambutan sekitar 300 orang peserta. Prof Dr. Haidar menerusi Webinar ini antara lain telah menekankan kepentingan kepada staf untuk memastikan sentiasa cakna dan celik terhadap segala aspek perundangan.

Memastikan pematuhan terhadap soal perundangan amat penting memandangkan kesannya terhadap perkhidmatan staf adalah amat signifikan. Beliau menasihatkan semua staf agar sentiasa mengamalkan budaya kerja yang berintegriti dan mengelakkan rasuah serta mematuhi segala peraturan semasa yang ditetapkan.



Dari kiri En Saharudin, En Faisal, Prof Dr. Haidar dan Dr Normaly di dalam program Webinar Celik Undang Undang



Penasihat Undang-Undang UiTM
Prof. Dr. Haidar Dziayuddin

ANDAI HARI INI YANG TERAKHIR, KERANA ESOK BUKANLAH YANG DIJANJI

Oleh:

PM. Dr. Megawati Omar

Seorang rakan sepejabat meninggal dunia pada 28 Jun tahun 2020 pada usia yang boleh dikatakan agak muda pada umur 54 tahun. Berita pemergian rakan ini amat mengejutkan kerana kami mengenalinya sebagai seorang yang rajin dan aktif bersukan berbasikal selama ini. Hanya lebih kurang sebulan dua di tempat kerja kelibat beliau tidak kelihatan dan mungkin ramai yang tidak menyedari beliau telah mengambil cuti sakit. Kami hanya menerima khabar bahawa beliau ingin berehat seketika di rumah. Malah ramai di kalangan kami beranggapan ini perkara kecil kerana biasalah ramai di kalangan para pensyarah ingin bercuti di akhir semester untuk menyiapkan penulisan dan artikel. Langsung tidak menyangka beliau sebenarnya berada di rumah sakit kerana menjalani dialisis buah pinggang. Berita pemergian beliau di laman sosial WhatsApp kami ditatap dengan perasaan terkedu dan lidah kelu tidak berkata pada gerimis petang itu.

Allahyarham merupakan seorang yang peramah dan periang, disayangi dan dihormati. Kami bergegas menghadiri pengebumiannya, sambil mematuhi segala larangan PKP (Perintah Kawalan Pergerakan). Pemergian seorang rakan sekerja adakalanya sama sedihnya seperti pemergian seorang ahli keluarga sendiri. Apabila kami kembali ke pejabat keesokan harinya, melihat kerusi milik Allahyarham yang kini kosong, membuatkan hati kami terkesan dengan satu rasa lohong yang tidak dapat diungkap dengan kata-kata. Kami yang tinggal ini masih berazam meneruskan khidmat bakti demi perjuangan anak bangsa Pribumi ini.

Sedikit kekesalan yang ingin dikongsikan bersama kerana ramai yang mengalami situasi yang sedemikian rupa. Mungkin perkongsian ini dapat di manfaatkan oleh ramai di luar sana yang berkongsi pejabat dan ruang persekitaran kerja. Jutaan daripada kita memiliki rakan sekerja yang kita berjumpa secara rutin hari demi hari. Jika dilihat secara mendalam, kita berjumpa rakan sekerja lebih kerap berbanding dengan saudara mara, adik beradik dan ibu serta ayah kita sendiri. Kita berbual dan berjenaka dengan rakan sekerja serta berbincang mengenai pelbagai perkara termasuk perihal

kerja dan peribadi dengan mereka lebih kerap berbanding dengan orang tua sendiri yang mana ada di antara kita lebih jarang berjumpa seandainya tidak tinggal bersama.

Bagi yang telah bekerja dan berusia lebih daripada 50 tahun atau setengah abad ini, mereka mungkin melihat orang yang sama di tempat kerja yang sama untuk lebih suku abad. Di bawah satu bumbung itulah juga kita telah melalui pelbagai detik suka dan duka, tangis dan tawa dan tidak kurang juga benci dan cinta dek hanya kerana kita bergelar manusia. Kita bangun dan duduk, berjalan dan bertatih atas nama belajar, daripada pengalaman dan kesusilapan.

Kami selalu bertemu di bengkel-bengkel kecil di tempat kerja. Kerap kali bermesyuarat dan makanan akan terhidang di ofis. Seringkali bertegur sapa semasa menjamu selera. Malahan jika difikirkan rakyat Malaysia bertuah acap kali disatukan dengan makanan, dan kita beruntung kerana kita selalu disatukan dengan hidangan sarapan, makan tengahari dan minum petang bersama rakan sekerja setiap hari. Kita juga selalu ke mana-mana atas dasar kerja menaiki kenderaan yang sama dan mengharungi perjalanan ke destinasi di atas dasar kerja.

Rakan sekerja akan menjadi teman rapat untuk bergelak tawa dan bertukar pendapat. Malah rakan sekerja juga boleh menjadi seseorang yang kita berkongsi rahsia peribadi. Adakalanya, kita lebih selesa berkongsi rahsia dengan teman sekerja ini berbanding dengan saudara sendiri. Beruntung kita kerana ramai teman yang boleh diajak bercerta meluahkan perasaan yang terbuku. Kadangkala jua rakan sekerja juga tempat kita bertukar pandangan politik yang kadangkala juga kerap kita tidak sebudaya dan sependapat. Peribadi manusia yang suka 'menegakkan benang yang basah' itu kadangkala menjadi alasan untuk tidak bertegur sapa. Yang remeh itu kadangkala diambil hati dan dibawa perasaan yang sedikit terluka dek kerana berbeza pandangan. Perlukah kita berselisih pendapat bertikam lidah walhal masa di ofis hanyalah pendek dan hanya seketika? Mungkin kita terlupa kepada nilai persahabatan yang telah terbina sekian lama.

Memang mudah untuk manusia menisia-siakan teman sepejabat yang dapat dilihat hari-hari. Kita anggap mereka akan sentiasa ada. Namun, sayangnya, mereka akan tetap meninggalkan kita tanpa diduga. Dan apabila mereka tiada, kita akan mula merasa ralat. Ralat kerana menisia-siakan masa yang pernah ada untuknya, ralat kerana tidak lebih ada untuknya, ralat kerana membiarkan perasaan ego menguasai diri. Ketika itulah kita berharap kita melakukan segala yang lebih baik untuk dia yang telah tiada. Terlambat walhal teknologi di depan mata di hujung jari untuk bertanyakan khabar berita. Mungkin tak sampai pun lima minit masa untuk menaip sepotong ayat untuk behubung.

Dan perasaan itu nyata lebih teruk seandainya kita kehilangan seseorang sebelum sempat kita memohon maaf setelah berlakunya salah faham, atau pertelingkahan kecil, atau perselisihan pendapat yang tidak sepatutnya berlaku. Tatkala itulah kita akan rasa kecewa dan tiada kuasa, berharap sepenuh jiwa dan raga agar semua berlaku sebaliknya. Namun, segalanya sudah terlewat. Yang pergi, tidak akan kembali. Yang berlaku, telahpun terjadi. Yang pahit, itulah yang perlu ditelan.

Maka, untuk mengelakkan segala ralat dan sesalan, sentiasalah bersopan, berhemah dan beringat terhadap rakan sekerja. Ia mungkin lebih senang untuk dituturkan daripada dilakukan namun ia perlu untuk dijadikan amalan. Berlemah lembutlah terhadap rakan sekerja. Terimalah mereka seadanya. Ambil berat terhadap keadaan mereka, kesihatan dan keadaan keluarga mereka, namun jangan sampai kelihatan seperti menyibuk pula. Biasakan dengan bertanya secara sopan apabila kita mendenegar sesuatu yang kurang enak mengenai mereka agar kita tidak terpengaruh dengan khabar angin atau fitnah. Bantulah mereka apabila mereka memerlukan, sepertimana kita mahu diri kita dibantu apabila kita berada di dalam kesusahan. Ringankan tangan untuk membantu dan lemparkanlah senyuman terutama kepada yang lebih tua.

Dalam urusan kerja seharian, ada waktu kita boleh hilang sabar, dek kerana kita

hanya bernama manusia. Dan sekiranya itu berlaku, cepat-cepatlah memohon kemaafan dan berusaha memperbaiki perilaku seterusnya.

Kami selalu bertegur sapa dengan Allahyarham. Namun, ketika Allahyarham jatuh sakit dan terpaksa berehat di rumah, kami jarang menghantar pesanan ringkas dan berkomunikasi dengan Allahyarham kerana risau sekiranya kami mengganggu Allahyarham dan keluarganya. Kami juga

tidak menghantar ucapan pesanan ringkas 'Selamat Hari Raya' kepada Allahyarham. Kini setelah dia pergi, tebal sungguh sesalan yang kami rasakan. Benar apa yang orang lama katakan, esok bukanlah sesuatu yang dijanjikan maka apa yang dirasa hari ini, nyatakan, luahkan dan jangan bertangguh.

Maka dengan itu, sesungguhnya kita adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kita bakal kembali. Damai dan tenanglah sahabat, dan kepada semua yang telah

kembali sebelumnya: Mr Subramaniam, Puan Wan Zainab, Kak Nur, Maryam, Cikgu Rafa'i, Margaret, Anne Tan, Sara, Zolkofly, Pavathy dan Swee Ai. Kalian abadi dalam kenangan jua.

**Artikel ini telah diterjemah daripada artikel asal bertajuk "Be Kind, Be Nice Before It'S Too Late" dan telah diterjemah oleh Datin Marina Ismail, Exco Mitasa*

Unmasking the Challenges of Academic Staff being Promoted in UiTM

Oleh:

Dr. Faridah Hj. Hussain

UiTM aims to become a leading global university of science, technology, humanities, and entrepreneurship by 2025. The UiTM Strategic Plan focuses on quality education, global excellence, and value-driven performance (UiTM 2025 Strategic Plan). When faced with the research and publication culture at the national and international level, the academic staff of UiTM is required to comply with certain requirements on publication. For example, with effect on 1 January 2021, the circular of UiTM imposed the conditions that the Key Performance Indicator for academic staff to publish will be based on their track, namely (i) teaching and learning, (ii) research, (iii) institutional leadership and (iv) industry practitioner (see circular dated 01 January 2021). Moreover, this circular is to be read together with the Academic Circular of UiTM Number 5 the year 2017. Although circulars are subject to judicial review, nevertheless, they may create legal rights and obligations (Hogan, G. (1987). As such, it is essential for the academic staff of UiTM to plan for their promotion and to know the latest circulars of UiTM.

Besides complying with the condition to publish, teaching and learning, consultation

and expertise, innovation/commercialization/entrepreneurship, services to university/ students/community, accolades and academic awards, leadership and quality of personality will remain as essential grounds to be satisfied by the academic staff in applying for promotion (see MyATP system of UiTM). For thousands of academic staff at UiTM, this writing is a salutary reminder for them that they have to work hard to be promoted and to abide by the circulars issued by UiTM. Thus, failure to comply with these circulars and requirements imposed by the university's management will subject the academic staff to the possibility of not being promoted. In addition, in the era of COVID-19 pandemic, all academic staff of UiTM are to acquire the skills of learning and teaching online.

This writing noted that it is also pertinent to bring out to the fore that promotion in UiTM is not concerned with the length of service of the academic staff but it is based on performance. It is obvious that for academic staff, there is a great unnecessary pressure in applying for promotion at UiTM. It clearly reduces the quality of life of the academic staff at UiTM. Many of them suffering silent stress. Some join the

academic staff union to know and protect their rights as the academician. It is timely for the university's management to lessen the strict requirements for promotion. Time-based promotion is to be recommended for lecturers at UiTM. In becoming a top-performing university, UiTM is to support the good health and well-being of its academic staff and to make easy their career path in applying for promotion. This writing offers, as a conclusion, a road map for UiTM's management to look into consider helping the academic staff to be promoted easier in the 21st century.